



Ruj. Kami : ANM(G)NS.127 Jld.2 (95)

Tarikh : 20 Januari 2020

**PENGARAH**

**SEMUA PUSAT PEMBAYAR GAJI**

**SEMUA PUSAT TANGGUNGJAWAB**

**KERAJAAN PERSEKUTUAN DAERAH JEMPOL**

**NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS**

Tuan,

**PENYELARASAN KADAR BAYARAN IMBUHAN SARA HIDUP BERIKUTAN  
PERTUKARAN STATUS DARIPADA MAJLIS DAERAH JEMPOL KEPADA  
MAJLIS PERBANDARAN JEMPOL**

Dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas dan surat rujukan JPA.SARAAN(S)63/57/2 Jld. 12(21) bertarikh 6 Disember 2019.

2. Adalah dimaklumkan, Kerajaan telah melaksanakan pemberian Bayaran Imbuan Sara Hidup dengan kadar yang berbeza mengikut kawasan melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 7 Tahun 2019. Penentuan kadar mengikut kawasan ini adalah berdasarkan definisi sempadan perbandaran atau status Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).
3. Sebagaimana tuan sedia maklum, Majlis Daerah Jempol telah dinaik taraf kepada Majlis Perbandaran Jempol berkuatkuasa 3 Januari 2018. Selaras dengan perubahan status PBT tersebut, **Jabatan Perkhidmatan Awam tiada halangan agar kadar Bayaran Imbuan Sara Hidup bagi Daerah Jempol diselaraskan daripada Kawasan Lain ke Kawasan B.** Pelaksanaan ini berkuatkuasa serta-merta mengikut tarikh surat yang dikeluarkan oleh JPA iaitu pada 6 Disember 2019. Bersama-sama ini disertakan salinan surat kelulusan JPA untuk rujukan tuan.
4. Sehubungan itu, kerjasama daripada semua Pusat Gaji / Pusat Pembayar di Daerah Jempol adalah dipohon untuk menyelaraskan kadar Bayaran Imbuan Sara Hidup dan membuat perubahan gaji (SG20) bagi pegawai-pegawai yang terlibat dalam gaji bulan Februari 2020. Walau bagaimanapun, **pelarasan yang perlu dibuat oleh Pusat Gaji / Pusat Pembayar ini hanya melibatkan pelarasan yang disebabkan oleh pertukaran Kawasan Lain ke Kawasan B sahaja.** Manakala pelarasan tambahan Bayaran Imbuan Sara Hidup sebanyak RM50 untuk Kumpulan Pelaksana (selaras dengan PP Bilangan 7 Tahun 2019) tidak perlu dibuat kerana tindakan tersebut telah dilaksanakan oleh JANM Negeri

Sembilan dan telah dibayar kepada semua kakitangan Kumpulan Pelaksana mulai gaji bulan Januari 2020.

5. Kadar Bayaran Imbuhan Sara Hidup di Daerah Jempol dan kaedah pengiraan adalah seperti di **Lampiran A**. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan lanjut berhubung perkara di atas, pihak tuan bolehlah menghubungi pegawai-pegawai berikut :

- |                                       |               |
|---------------------------------------|---------------|
| i. Puan Noraini binti Mohd Yunos      | 06 – 768 6897 |
| ii. Puan Sareen Deo binti Mohd Imbran | 06 – 768 6871 |

6. Perhatian dan kerjasama daripada pihak tuan berhubung perkara di atas amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

***'Pertingkat Inovasi Terokai Transformasi Kuasai Globalisasi'***

Saya yang menjalankan amanah,



**( MOHAMAD NOR AZAM BIN SABTU C.A.(M) )**

Pengarah Negeri

Jabatan Akauntan Negara Malaysia

Negeri Sembilan

LAMPIRAN A

KUMPULAN	KADAR SEBULAN (RM)			
	SEBELUM 6.12.2019	MULAI 6.12.2019	MULAI 1.1.2020	
	KAWASAN LAIN	KAWASAN B	KENAIKAN TAMBAHAN COLA RM50 UNTUK KUMPULAN PELAKSANA (PP BIL. 7 TAHUN 2019)	JUMLAH COLA
KUMPULAN PENGURUSAN & PROFESIONAL	150	250	-	250
KUMPULAN PELAKSANA	150	250	50	300

CONTOH PENGIRAAN BAYARAN IMBUHAN SARA HIDUP (COLA)

KUMPULAN : PENGURUSAN DAN PROFESIONAL

BULAN	TEMPOH	TELAH TERIMA	PATUT TERIMA	BAKI BELUM TERIMA	KOD WAGE TYPE
Disember	01.12.2019 – 05.12.2019	RM150	$RM150 \times 5/31$ = RM24.19	RM83.87	2024
	06.12.2019 - 31.12.2019		$RM250 \times$ $26/31 =$ RM209.68		
Januari	01.01.2020 - 31.01.2020	RM150	RM250	RM100	3362
Februari	01.02.2020 - 31.12.9999	-	RM250	RM250	1362

**KUMPULAN : PELAKSANA**

BULAN	TEMPOH	TELAH TERIMA	PATUT TERIMA	BAKI BELUM TERIMA	KOD WAGE TYPE
Disember	01.12.2019 – 05.12.2019	RM150	$RM150 \times 5/31 = RM24.19$	RM83.87	2024
	06.12.2019 - 31.12.2019		$RM250 \times 26/31 = RM209.68$		
Januari	01.01.2020 - 31.01.2020	RM200	RM300	RM100	3362
Februari	01.02.2020 - 31.12.9999	-	RM300	RM300	1362

**Nota :**

- a) Kenaikan ini berkuatkuasa 6 Disember 2019 selaras dengan surat JPA.
- b) Jadual ini hanya contoh sahaja. PTJ perlu memastikan tunggakan COLA pegawai dibayar mengikut amaun sebenar yang pegawai layak.
- c) Kenaikan tambahan COLA sebanyak RM50 untuk Kumpulan Pelaksana tidak perlu dibuat oleh PTJ kerana kenaikan tersebut telah diproses oleh JANM Negeri Sembilan pada bulan Januari 2020. Pelarasan hanya perlu dibuat oleh PTJ, sekiranya terdapat pegawai yang tercicir dan tidak menerima tambahan COLA tersebut.